

Headline Pokok pesisiran pantai perlu dijaga
Date 11 Jul 2009
MediaTitle Sinar Harian
Section Selangor & KL
Journalist N/A
Frequency Daily
ADValue 1,744

Language Malay
Page No S20
Article Size 317 cm²
Color Full Color
PRValue 5,231



Pokok pesisiran pantai perlu dijaga

KAMPUNG DATUK HORMAT – Spesies pokok yang ada di pesisiran pantai perlu dijaga dan kerja menanam semula spesies pokok berkenaan adalah usaha mumi untuk kebaikan generasi akan datang.

Pegawai Penyelidik Institut Penyelidik Perhutanan Malaysia (FRIM) Mohd Afendi Husin berkata, apabila spesies pokok yang hidup di pesisiran pantai sudah terlalu banyak, ia akan membuatkan manusia semakin tidak sedar dengan kepentingan pokok berkenaan.

Menurutnya, sedar atau tidak, pokok yang ada menjadi habitat kepada kehidupan lain yang menjadi sumber rezeki dan pendapatan.

"Kadangkala mungkin

ada yang bermiat baik untuk membuka kawasan dan mengambil pokok tersebut dengan tujuan yang baik namun akhirnya ia menjejaskan alam sekitar kita.

"Kita ini hanya menumpang kepada pokok dan malangnya dari masa ke semasa semakin banyak yang merosakkan pokok ini. Akhirnya menjejaskan habitat yang ada seterusnya sumber pendapatan kita juga akan terjejas," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian gotong-royong menanam pokok api api di pesisiran Kampung Datuk Hormat anjuran bersama Jawatankuasa Khas Pemeliharaan Kawasan Pesisiran Pantai dan Alam Sekitar Mukim

Bagan Nakhoda Omar/ Sungai Air Tawar.

Sebanyak 1,000 anak pokok api-api disediakan oleh pihak FRIM untuk ditanam di kawasan pesisiran pantai Kampung Datuk Hormat.

Difahamkan, dalam tempoh tujuh hingga lapan tahun, pokok api api tersebut akan mencapai tempoh matang, berbunga dan berbuah seterusnya dapat tumbuh semula jadi.

Mohd Afendi berkata, sebagai manusia mereka perlu bersikap mesra alam dengan apa yang ada di persekitaran.

"Jika tidak, contohnya akan berlakulah masalah rebak kerana bilangan pokok yang se-



Antara jawatankuasa yang terlibat menayakan program gotong-royong menanam pokok api-api di pesisiran Kampung Datuk Hormat.

makin sedikit akarnya sudah tidak mampu menahan hempasan ombak.

"Manusia diamanahkan Allah SWT untuk memperbaiki kehidupan dan dari sudut lain juga, masyarakat yang ada pada hari ini perlu memikirkan kepentingan masyarakat dan generasi akan datang. Jika kita bertindak, lewat pelbagai perkara boleh berlaku," katanya.

Beliau berkata,

anggota masyarakat memainkan peranan yang penting dan boleh menyumbangkan sesuatu dalam menjaga alam sekitar terutamanya pesisiran pantai.

"FRIM menyumbangkan sedikit anak pokok api-api dan masyarakat setempat menyumbangkan tenaga. Biarpun masing-masing memberikan sumbangan yang kecil na-

sar. "Sumbangan yang kecil oleh setiap individu jika diimpunkan menjadi sumbangan yang besar dan bermakna dalam masyarakat. Setiap individu perlu sedar dengan kepentingan menjaga pokok di pesisiran pantai, biar banyak mana wang disalurkan, jika kesedaran tersebut tiada, usaha tersebut tidak akan berjaya," kata-